



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE PUBLISHED
BY AVTHORITY*

Jil. 36
No. 8

9hb April 1992

*TAMBAHAN No. 29
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 131.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
DAN
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (PERANCIS) 1992

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 132 (1) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan seksyen 65A (1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Menteri membuat perintah yang berikut:

*Akta 53.
Akta 45/67*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Perancis) 1992.**

Nama.

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan-perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan dengan Kerajaan Republik Perancis dengan tujuan memberi pelepasan daripada cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Perancis (sebagaimana ditakrifkan tiap-tiap satunya dalam perkiraan-perkiraan itu) dan bahawa adalah suaimanfaat supaya perkiraan-perkiraan itu dikuatkuasakan.

Pelepasan
Cukai Dua
Kali.

JADUAL
(Perenggan 2)

PROTOKOL BAGI MEMINDA PERJANJIAN DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN KERAJAAN REPUBLIK PERANCIS BAGI MENGELAKKAN CUKAI DUA KALI DAN MENCEGAH PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI-CUKAI ATAS PENDAPATAN YANG DITANDATANGANI DI PARIS PADA 24HB APRIL 1975.

KERAJAAN MALAYSIA

DAN

KERAJAAN REPUBLIK PERANCIS

Berhasrat hendak membuat suatu Protokol bagi meminda Perjanjian di antara kedua-dua Kerajaan bagi mengelakkan cukai dua kali dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai ke atas pendapatan, yang ditandatangani di Paris pada 24hb April 1975 (kemudian daripada ini disebut “Perjanjian”);

Telah bersetuju seperti berikut:

Perkara 1

Perkara 10 Perjanjian hendaklah dipinda dengan menggantikan perenggan 9 dengan yang berikut:

“9. Istilah “dividen-dividen” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada syer-syer, syer-syer “jouissance” atau hak-hak “jouissance,” syer-syer lombong, syer-syer pengasas atau hak-hak lain yang serupa, yang bukannya tuntutan hutang, penyertaan dalam keuntungan, dan juga pendapatan yang dikira sebagai pembahagian oleh undang-undang cukai Negara di mana syarikat yang membuat pembahagian itu bermastautin.”

Perkara 2

Perkara 11 Perjanjian hendaklah dipinda dengan menggantikan perenggan 3 dengan yang berikut:

“3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara ini, bunga yang dibayar kepada seorang pemastautin Negeri Perancis atas pinjaman-pinjaman yang diluluskan hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia yang kena dibayar ke atasnya. Istilah “pinjaman yang diluluskan” ertinya pinjaman yang diluluskan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 Malaysia (sebagaimana yang dipinda).”

Perkara 3

Perkara baru yang berikut hendaklah dimasukkan selepas Perkara 12 Perjanjian:

“Perkara 12A

BAYARAN-BAYARAN JASA TEKNIK

1. Walau apa pun peruntukan-peruntukan Perkara 15, bayaran-bayaran jasa teknik yang timbul dalam suatu Negara Berjanji dan dibayar kepada seorang pemastautin bagi Negara

Berjanji yang satu lagi, yang adalah pemunya berfaedah bayaran-bayaran itu dan tertakluk kepada cukai di dalam Negara yang satu lagi itu berkenaan dengannya boleh dicukai dalam Negara yang pertama tersebut atas kadar tidak melebihi 10 peratus daripada amaun kasar bayaran-bayaran jasa teknik itu.

2. Istilah “bayaran-bayaran” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran kepada mana-mana orang, selain daripada kepada pekerja orang yang membuat bayaran itu, sebagai balasan bagi apa-apa perkhidmatan yang berbentuk jasa teknik, pengurusan atau perundingan.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan (1) Perkara ini tidak boleh dipakai jika pemunya berfaedah bayaran-bayaran jasa teknik itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Berjanji, yang menjalankan aktiviti perniagaan atau industri dalam Negara Berjanji yang satu lagi di mana bayaran-bayaran jasa teknik itu timbul melalui suatu pertubuhan tetap yang terletak di dalamnya, dan bayaran-bayaran jasa teknik itu adalah bersangkutan dengan berkesannya dengan pertubuhan tetap tersebut. Dalam hal yang demikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

4. Bayaran-bayaran jasa teknik hendaklah disifatkan sebagai timbul dalam suatu Negara Berjanji jika pembayar itu adalah Negara itu sendiri, suatu bahagian kecil politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya atau seorang pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar bayaran-bayaran jasa teknik itu, sama ada dia seorang pemastautin suatu Negara Berjanji atau tidak, mempunyai dalam suatu Negara Berjanji suatu pertubuhan tetap yang berkaitan dengannya obligasi untuk membayar bayaran-bayaran jasa teknik itu telah dilakukan, dan bayaran-bayaran jasa teknik itu ditanggung oleh pertubuhan tetap itu, maka bayaran-bayaran jasa teknik itu hendaklah disifatkan sebagai timbul di dalam di Negara Berjanji di mana pertubuhan tetap itu terletak.

5. Jika, oleh sebab suatu perhubungan khas antara pembayar dengan pemunya berfaedah bayaran-bayaran jasa teknik atau antara kedua-dua mereka dan sesiapa orang lain, amaun bayaran-bayaran jasa teknik yang dibayar melebihi, atas apa jua sebab, amaun yang mungkin akan dipersetujui oleh pembayar dan pemunya berfaedah itu jika sekiranya tidak ada perhubungan itu, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya bagi amaun yang tersebut terakhir. Dalam hal yang begitu, bahagian yang berlebihan daripada bayaran-bayaran itu hendaklah boleh terus dikenakan cukai menurut undang-undang tiap-tiap satu Negara Berjanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.”

Perkara 4

Perkara 23 Perjanjian hendaklah dipinda dengan:

- (a) menggantikan perenggan-kecil (c) (ii) perenggan 1 dengan yang berikut:

“(ii) berkenaan dengan bunga, amaun yang tersebut dalam perenggan-kecil (c) (i) di atas hendaklah tidak melebihi suatu jumlah yang bersamaan dengan cukai atas kadar 15 peratus dari amaun kasar bunga itu. Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan perenggan-kecil (c) hendaklah dipakai hanya bagi bunga yang tersebut dalam perenggan 3 Perkara 11, dan dengan syarat bahawa pinjaman itu atau keterhutangan lain yang berkenaan dengannya bunga itu dibayar diperakui oleh pihak berkuasa kompeten Malaysia sebagai untuk tujuan menggalakkan pembangunan ekonomi Malaysia.”

- (b) menambah dalam perenggan 1 perenggan-kecil baru (e) dan (f) yang berikut:

“(e) peruntukan-peruntukan perenggan 1, kecuali peruntukan-peruntukan perenggan-kecil (a) dan (c), hendaklah terpakai bagi pendapatan yang disebut dalam Perkara 12A.”

“(f) berkenaan dengan pemakaian perenggan-kecil (b) bagi pendapatan yang disebut dalam Perkara 11, 12 dan 12A, jika amaun cukai yang dilevi di Malaysia, menurut Perkara-Perkara tersebut, melebihi amaun cukai Negeri Perancis yang dilevi atas pendapatan itu, maka pemastautin Negeri Perancis yang menerima pendapatan itu bolehlah mengemukakan kesnya kepada pihak berkuasa kompeten Negeri Perancis. Dalam hal tersebut, jika didapatinya bahawa keadaan tersebut mengakibatkan percukaian dua kali atau percukaian yang tidak sebanding dengan percukaian atas pendapatan bersih, pihak berkuasa Negeri Perancis boleh membenarkan, tertakluk kepada apa jua syarat yang ditentukan amaun cukai tak dikreditkan yang dilevi di Malaysia sebagai suatu potongan daripada cukai yang dilevi atas pendapatan lain dari sumber-sumber asing pemastautin tersebut.”

Perkara 5

Protokol yang dilampirkan pada Perjanjian adalah dipinda dengan memasukkan, sebelum perkataan “Perkara 6 Tambahan”, yang berikut:

“Istilah “bahagian-kecil politik” hendaklah, di mana-mana jua disebut dalam Perjanjian ini, bermaksud bahagian-kecil politik Malaysia.”

Perkara 6

1. Tiap-tiap satu Negara Berjanji hendaklah memberitahu Negara yang satu lagi akan penyempurnaan prosedur-prosedur yang dikehendaki oleh undang-undangnya bagi menguatkuasakan Protokol ini yang hendaklah menjadi bahagian yang penting Perjanjian. Protokol ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang terkemudian daripada pemberitahuan-pemberitahuan ini dan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 2 dan 3 Perkara ini, hendaklah sesudah itu mempunyai kuasa-kuasa:

- (a) berhubung dengan pembayaran-pembayaran yang tersebut dalam Perkara 3 Protokol ini, bagi amaun-amaun yang dibayar pada atau selepas 1 hb Januari 1986;
- (b) berhubung dengan kesemua peruntukan lain Protokol ini:
 - (i) di Malaysia:
berkenaan dengan cukai Malaysia, bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas 1 hb Januari 1990;
 - (ii) di Negeri Perancis:
berkenaan dengan cukai Negeri Perancis, bagi mana-mana tahun taksiran, yang bermakna tahun atau tempoh perakaunan dalam mana pendapatan itu diperolehi, yang bermula pada atau selepas 1hb Januari 1989.

2. Jika mana-mana peruntukan Perjanjian akan memberi apa-apa pelepasan cukai yang lebih besar daripada yang sepatutnya di bawah Protokol ini, maka apa-apa peruntukan sebagaimana yang disebut terdahulu hendaklah terus berkuatkuasa bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula sebelum mula berkuatkuasanya Protokol ini.

3. Protokol ini hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa pada suatu masa tertentu sebagaimana Perjanjian terhenti daripada berkuatkuasa menurut Perkara 30 Perjanjian.

PADA MENYAKSIKAN hal tersebut di atas yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu, oleh Kerajaan mereka masing-masing telah menandatangani Protokol ini.

Diperbuat dalam dua salinan di Kuala Lumpur pada 31 haribulan Januari 1991 dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Perancis, kedua-dua naskah itu adalah sama sahinya.

Bagi pihak Kerajaan
Malaysia:

Bagi pihak Kerajaan
Republik Perancis:

Dibuat pada 9hb Mac 1992.
[O. 6869/6 Vol. 2 (78); PN. (PU²) 80/XVI.]

ANWAR BIN IBRAHIM,
Menteri Kewangan

(Akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut seksyen 132(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan seksyen 65A(5) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.)

INCOME TAX ACT 1967

AND

PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (FRANCE) ORDER 1992

IN exercise of the powers conferred by section 132(1) of the Income Tax Act 1967 and section 65A(1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967, the Minister makes the following order:

1. This Order may be cited as the **Double Taxation Relief (France) Order 1992**.
2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made by the Government with the Government of the French Republic with a view of affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and French tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that those arrangements shall have effect.

SCHEDULE

(Paragraph 2)

PROTOCOL AMENDING THE AGREEMENT BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF THE FRENCH REPUBLIC FOR THE AVOIDANCE OF DOUBLE TAXATION AND THE PREVENTION OF FISCAL EVASION WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME SIGNED AT PARIS ON 24TH APRIL 1975.

THE GOVERNMENT OF Malaysia

AND

THE GOVERNMENT OF THE FRENCH REPUBLIC

Desiring to conclude a Protocol to amend the Agreement between the two Governments for the avoidance of double taxation and the prevention of fiscal evasion with respect to taxes on income, signed at Paris on 24th April 1975 (hereinafter referred to as “the Agreement”);

Have agreed as follows:

Article 1

Article 10 of the Agreement shall be amended by substituting for paragraph 9 the following:

“9. The term “dividends” as used in this Article means income from shares, “jouissance” shares or “jouissance” rights, mining shares, founders' shares or other rights, not being debt claims, participating in profits, as well as income treated as a distribution by the taxation laws of the State of which the company making the distribution is a resident.”

Article 2

Article 11 of the Agreement shall be amended by substituting for paragraph 3 the following:

“3. Notwithstanding the provisions of paragraph 2 of this Article, interest paid to a resident of France on approved loans shall be exempted from Malaysia tax payable thereon. The term “approved loan” means approved loan as defined in section 2(1) of the Income Tax Act 1967 of Malaysia (as amended).”

Article 3

The following new Article shall be inserted after Article 12 of the Agreement:

“Article 12A**FEES FOR TECHNICAL SERVICES**

1. Notwithstanding the provisions of Article 15, fees for technical services arising in a Contracting State and paid to a resident of the other Contracting State who is the beneficial owner thereof and is subject to tax in that other State in respect thereof may be taxed in the first-mentioned State at a rate not exceeding 10 per cent of the gross amount of the fees for technical services.
2. The term “fees for technical services” as used in this Article means payments of any kind to any person, other than to an employee of the person making the payments, in consideration for any services of a technical, managerial or consultancy nature.
3. The provisions of paragraph (1) of this Article shall not apply if the beneficial owner of the fees for technical services, being a resident of a Contracting State, carries on business or industrial activity in the other Contracting State in which the fees for technical services arise through a permanent establishment situated therein, and the fees for technical services are effectively connected with such permanent establishment. In such case, the provisions of Article 7 shall apply.
4. Fees for technical services shall be deemed to arise in a Contracting State when the payer is that State itself, a political subdivision, a local authority or statutory body thereof or a resident of that State. Where however, the person paying the fees for technical services, whether he is a resident of a Contracting State or not, has in a Contracting State a permanent establishment in connection with which the obligation to pay the fees for technical services was incurred, and such fees for technical service are borne by such permanent establishment, then such fees for technical services shall be deemed to arise in the Contracting State in which the permanent establishment is situated.

5. Where, by reason of a special relationship between the payer and the beneficial owner of the fees for technical services or between both of them and some other person, the amount of the fees for technical service paid exceeds, for whatever reason, the amount which would have been agreed upon by the payer and the beneficial owner in the absence of such relationship, the provisions of this Article shall apply only to the last-mentioned amount. In such case, the excess part of the payments shall remain taxable according to the law of each Contracting State, due regard being had to the other provisions of this Agreement.”

Article 4

Article 23 of the Agreement shall be amended by:

(a) substituting for subparagraph (c) (ii) of paragraph 1 the following:

“(ii) in the case of interest, the amount referred to in subparagraph (c) (i) above shall not exceed a sum equivalent to tax at a rate of 15 per cent of the gross amount of such interest. However, the provisions of subparagraph (c) shall apply only to interest as referred to in paragraph 3 of Article 11, and provided that the loan or other indebtedness in respect of which the interest is paid is certified by the competent authority of Malaysia as being for the purpose of promoting economic development in Malaysia;”

(b) adding in paragraph 1 the following subparagraphs (e) and (f):

“(e) the provisions of paragraph 1, except for the provisions of subparagraphs (a) and (c), shall be applicable to income mentioned in Article 12A.”

“(f) as regards the application of subparagraph (b) to income mentioned in Article 11, 12 and 12A, where the amount of tax levied in Malaysia, in accordance with those Articles, exceeds the amount of French tax levied on such income, the resident of France receiving such income may present his case to the French competent authority. In that case, where it appears to it that such a situation results in double taxation or taxation which is not comparable to taxation on net income, the French authority may allow, subject whatever conditions it determines, the non-credited amount of tax levied in Malaysia as a deduction from the tax levied on the other income from foreign sources of that resident.”

Article 5

The protocol attached to the Agreement is amended by inserting, before the words “Article 6—Addendum”, the following:

“The term “political subdivision” shall, wherever mentioned in this Agreement, means a political subdivision of Malaysia.”

Article 6

1. Each of the Contracting States shall notify to the other Contracting State the completion of the procedures required by its law for the bringing into force of this Protocol which shall form an integral part of the Agreement. This Protocol shall come into force on the date which is subsequent to these notifications and, subject to the provisions of paragraph 2 and 3 of this Article, shall thereupon have effect:

- (a) in relation to payments referred to in Article 3 of this Protocol, to amounts paid on or after 1 January 1986;
- (b) in relation to all other provisions of this Protocol:
 - (i) in Malaysia:

as regards Malaysian tax, for any year of assessment commencing on or after 1 January 1990;
 - (ii) in France:

as regards French tax, for any year of assessment, which means the year of accounting period during which the income is derived, commencing on or after 1 January 1989.

2. Where any provision of the Agreement would have afforded any greater relief from tax than is due under this Protocol, any such provision as aforesaid shall continue to have effect for any year of assessment which commences before the coming into force of this Protocol.

3. This Protocol shall cease to be effective at such a time as the Agreement ceases to be effective in accordance with Article 30 of the Agreement.

IN WITNESS whereof the undersigned, duly authorised for that purpose by their respective Governments, have signed this Protocol.

Done in duplicate at Kuala Lumpur this 31st day of January 1991 in Bahasa Malaysia and French, both texts being equally authentic.

For the Government of
Malaysia:

For the Government of
the French Republic:

Made the 9th March 1992.
[O. 6869/6 Vol. 2 (78); PN. (PU²) 80/XVI.]

ANWAR DIN IBRAHIM,
Minister of Finance

(To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to section 132(6) of the Income Tax Act 1967 and section 65A(5) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967.)